

12 TBM untuk MRT laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya



FAUZI SUHAIMI

Melaporkan dari **GUANGZHOU, CHINA**

GUANGZHOU 31 Ogos - Sebanyak 12 buah Mesin Pengorek Terowong (TBM) akan digunakan bagi kerja-kerja membuat terowong bawah tanah untuk jajaran Mass Rapid Transit (MRT) Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (SSP)

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Datuk Najmuddin Abdullah berkata, 12 unit TBM itu meliputi 10 unit jenis pembolehkan ketumpatan (VD) manakala dua unit lagi adalah jenis keseimbangan tekanan bumi (EPB).

Menurut beliau, penambahan jumlah mesin itu dilakukan kerana jajaran bawah tanah bagi laluan kedua MRT adalah 13.5 kilometer (km) lebih panjang berbanding MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK).

"TBM jenis EPB yang digunakan ini dapat mengekalkan tekanan ke atas tanah yang digali di dalam terowong dan ini akan



NAJMUDDIN ABDULLAH (tiga dari kanan) bersama **Blaise Mark Pearce** (tiga dari kiri), **Ng Hau Wei** (dua dari kiri) dan **Gusztav Klados** (kanan) melancarkan majlis perasmian ujian FAT di Guangzhou, China, baru-baru ini.

menghalang tanah daripada runtuh bagi formasi Kenny Hills.

"Sebaliknya, formasi batu kapur Kuala Lumpur pula akan digunakan TBM jenis DV kerana dilihat mampu mengawal ketumpatan campuran cecair dan lumpur di dalam mesin untuk mengelak kehilangan tekanan yang mengakibatkan runtuh tanah di permukaan bumi," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

pada pemberita selepas meninjau proses ujian penerimaan kilang (FAT) bagi dua buah TBM di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Terowong MRT Corp., Blaise Mark Pearce; Pengarah Terowong MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn. Bhd. (MGKT), Gusztav Klados dan Pengurus Besar Terowong MGKT, Ng Hau Wei.

Sementara itu, Hau Wei berka-

ta, MGKT telah menghantar sekumpulan jurutera untuk dilatih dalam semua aspek termasuk penggunaan kedua-dua jenis TBM dan untuk memenuhi keperluan jurutera terowong yang mampan dan berkemahiran.

"Oleh itu, selepas proses FAT, mesin akan dihantar ke tapak bina untuk pemasangan yang mengambil masa kira-kira dua bulan sebelum ianya beroperasi," jelasnya.